

PENYATA PENDEDAHAN PRODUK / PRODUCT DISCLOSURE SHEET



BANK SIMPANAN NASIONAL

BSN EduSave-i

Sila baca dan fahami Penyata Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil **BSN EduSave-i**. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat. Dapatkan penjelasan daripada BSN jika anda tidak memahami mana-mana bahagian atau terma-terma amnya.

*Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out the **BSN EduSave-i**. Be sure to also read the terms and conditions. Kindly seek clarification from BSN if you do not understand any part of this document or the general terms.*

Tarikh / Date : _____
Untuk diisi oleh Eksekutif Kewangan /
Cawangan / To be filled in by Financial Executive /
Branch Representative)

1. Apakah produk ini? / What is this product about?

- BSN EduSave-i akaun simpanan yang patuh Syariah yang ditawarkan kepada Pelanggan individu sahaja (tidak ditawarkan untuk Akaun Bersama atau Amanah). Di bawah skim ini, pelanggan akan menikmati kadar keuntungan yang menarik dan perlu membuat simpanan bulanan melalui arahan tetap atau apa-apa cara sehingga tempoh matang akaun. Akaun EduSave-i adalah bertujuan untuk memupuk budaya simpanan di kalangan pelajar sekolah rendah sehingga sekolah menengah. Akaun EduSave-i bukan bertujuan untuk menjadi akaun transaksi dan saluran pengeluaran adalah terhad. / *BSN EduSave-i is a Shariah-compliant savings account offered to individual Customers only (not available for Joint or Trust account). Under the scheme, the customer enjoys an attractive profit rate by making monthly savings deposit via standing instruction or any other means until the account matures. The EduSave-i account has the objective of inculcating good savings habits among students of primary and secondary levels. The EduSave-i account is not intended to be a transactional account and the withdrawal channels are limited.*
- Warganegara Malaysia dan pemastautin tetap berumur tujuh (7) hingga tujuh belas (17) tahun semasa memohon adalah layak. Tertakluk kepada umur maksimum lapan belas (18) tahun pada usia matang akaun. / *Malaysian citizens and permanent residents aged between seven (7) to seventeen (17) years old upon application are eligible. Subject to the maximum age of eighteen (18) years old upon maturity of the account.*

2. Apakah konsep Syariah yang digunapakai untuk pembiayaan ini? / What is the Shariah concept applicable?

- Konsep Syariah yang diguna pakai bagi produk ini adalah Tawarruq (Murabahah Komoditi) yang melibatkan dua kontrak jual beli. Kontrak pertama melibatkan penjualan aset oleh penjual kepada pembeli secara tangguh. Seterusnya, pembeli bagi urusaniaga penjualan yang pertama akan menjual aset yang sama kepada pihak ketiga secara tunai dan serta-merta. / *The Shariah concept used is Tawarruq (Commodity Murabahah) where a Tawarruq consists of two sale and purchase contracts. The first involves the sale of an asset by a seller to a purchaser on a deferred basis. Subsequently, the purchaser of the first sale will sell the same asset to a third party on a cash and spot basis.*
- Konsep Tawarruq ini juga melibatkan kontrak Wakalah (Perwakilan) dengan menggunakan struktur 'dwi-wakalah' yang merangkumi / *The Tawarruq concept also involves Wakalah contract (Agency) which adopts a 'dual-agency' arrangement, whereby involves the followings:*
 - i. Perlantikan Bank sebagai wakil pelanggan untuk membeli komoditi daripada pihak ketiga. / *The appointment of the Bank who acts as an agent to buy the commodity on behalf of the customer to a third party.*
 - ii. Perlantikan Bank sebagai wakil pelanggan untuk menyempurnakan penjualan komoditi secara Murabahah kepada Bank. / *The appointment of the Bank who acts as an agent on behalf of the customer to conclude the selling of the commodity to the Bank on a Murabahah basis.*

3. Apa yang boleh saya perolehi dari produk ini? / What do I get from this product?

- Deposit **ke dalam** akaun boleh dibuat melalui apa-apa saluran termasuk melalui kaunter, mesin deposit tunai ("CDM"), Arahan Tetap, pindahan dari akaun lain dan pindahan dari bank lain termasuk IBG dan DuitNow. / *Deposits into the account can be done through any channels including over the counter, cash deposit machines (CDM), Standing Instructions, transfers from other accounts dan transfers from other banks including IBG and DuitNow.*
- Tempoh simpanan yang ditawarkan adalah satu (1), tiga (3) dan lima (5) tahun. / *The savings tenures offered are one (1), three (3) and five (5) years.*
- Kadar keuntungan adalah 1.5% setahun dikira berdasarkan baki harian dan keuntungan akan dikreditkan setiap tahun pada ulang tahun pembukaan akaun. / *The profit rate offered is 1.5% per annum will be calculated based on daily balance and will be credited annually on the anniversary of the account opening.*
- Bonus ke atas keuntungan diberi berdasarkan kepada budi bicara Bank, dimana bonus akan dikira seperti berikut: / *Bonus on profit is granted at the Bank's discretion, whereby the bonus shall be calculated as follows:*

Tempoh Simpanan / Savings Tenure	Bonus
Satu (1) dan Tiga (3) Tahun / One (1) and Three (3) Years	5%
Lima (5) Tahun / Five (5) Years	10%

Ilustrasi pengiraan bonus: / Illustration for bonus calculation:

Keuntungan diperoleh untuk setahun / Profit earned for the year = RM15

Bonus untuk keuntungan untuk satu (1) tahun = Keuntungan diperoleh x 5% = RM0.75

/ Bonus on profit for one (1) year = Profit earned x 5% = RM0.75

Nota / Notes :

Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja. Ia mungkin tidak menunjukkan keadaan atau tanggungjawab sebenar untuk setiap produk BSN EduSave-i. / The above example is for illustration only. It may not indicate the conditions or obligations of each BSN EduSave-i.

- Kad Debit boleh dikeluarkan bagi pemegang akaun yang berumur tiga belas (13) tahun hingga tujuh belas (17) tahun sahaja. Kad Debit adalah tertakluk kepada Terma & Syarat – BSN VISA Kad Debit. / Debit Card may be issued for accountholders aged thirteen (13) to seventeen (17) years old only. The Debit Card is subject to the Terms & Conditions – BSN VISA Debit Card.
- Apabila akaun mencapai tempoh matang, akaun BSN EduSave-i akan ditukar ke akaun BSN GIRO-i atau apa-apa akaun deposit yang ditawarkan oleh Bank dari semasa ke semasa dan kelebihan akaun BSN EduSave-i akan ditamatkan. Jika pelanggan sudah mempunyai akaun GIRO-i atau apa-apa akaun deposit BSN, segala baki BSN EduSave-i akan dipindahkan ke akaun tersebut dan BSN EduSave-i akan ditutup. / Upon maturity, the BSN EduSave-i account will be converted into BSN GIRO-i account or any other deposit account offered by the Bank from time to time and the benefits of the BSN EduSave-i account shall cease. If the customer already maintains a BSN GIRO-i or any deposit account with BSN, the balances shall instead be transferred to the customer's other deposit account maintained with BSN and the BSN EduSave-i shall be closed.
- Fi perkhidmatan tahunan tidak akan dikenakan untuk BSN EduSave-i sekiranya akaun menjadi dorman. Akaun akan menjadi dorman jika tiada transaksi akaun oleh pelanggan selama dua belas (12) bulan berturut-turut. / No annual service fee will be imposed for BSN EduSave-i should the account become dormant. An account will be deemed to be dormant if there are no transactions conducted by the customer for a period of twelve (12) consecutive months.
- Perbankan Internet MyBSN dan Perbankan Mudah Alih adalah tersedia untuk pemegang kad BSN Kad Debit yang berumur tiga belas (13) tahun dan ke atas, dan terhad kepada semakan butiran akaun, sejarah transaksi dan mencapai e-Penyata. / MyBSN Internet Banking and Mobile Banking services are available for BSN Debit Card cardholders aged thirteen (13) and above, and is limited to viewing the account details, transaction history and retrieving the e-Statement.
- Pengeluaran hanya boleh dibuat di mana-mana cawangan BSN atau Mesin Teler Automatik (ATM). Demi mengelakkan keraguan, pindahan **keluar** dari akaun termasuk pindahan keluar dari saluran Perbankan Internet MyBSN dan Perbankan Mudah Alih, adalah tidak dibenarkan. / Withdrawals can only be made at a any BSN branch or Automated Teller Machines (ATM). For avoidance of doubt, transfers **out** of the account including **outward transfers** from MyBSN Internet Banking and Mobile Banking channels, are not allowed.

4. Apakah tanggungjawab saya? / What are my obligations?

- Simpanan bulanan anda / Your monthly savings deposits: Minimum RM50
- Simpanan bulanan mesti dibuat dalam setiap bulan kalendar dan simpanan lebihan tidak akan dikira untuk simpanan bulan berikutnya. / Monthly savings must be made in each calendar month and excess savings shall not be counted towards the following months monthly savings requirement.
- Amaun minimum deposit permulaan RM50. / The minimum initial deposit amount is RM50.
- Mengekalkan baki minimum sebanyak RM10 dalam akaun. / To maintain a minimum balance of RM10 in the account.
- Dokumen yang diperlukan untuk pembukaan adalah sama ada dokumen pengenalan ibu bapa (ibu atau bapa) (MyKad) dan dokumen pengenalan diri kanak-kanak (MyKid / sijil kelahiran). / The documents required for the account opening are either parent's (mother or father) identification document (MyKad) and the child's identification document (MyKid / birth certificate).

Nota / Note :

- Kadar keuntungan yang ditawarkan akan ditukar kepada kadar keuntungan yang bersamaan dengan akaun BSN GIRO-i sekiranya simpanan bulanan tidak dibuat sebanyak tiga (3) bulan dalam tempoh dua belas (12) bulan. / The profit rate offered shall be changed to the equivalent profit rate of BSN GIRO-i account if the monthly deposit is not made three (3) months in a twelve (12) months period.
- Amaun deposit minimum (termasuk apa-apa pindahan) untuk setiap peletakan/pindahan adalah RM50 setiap peletakan dan sebarang peletakan bawah RM50 tidak dibenarkan. / The minimum deposit amount (including any transfers) for every placement/transfer is RM50 per placement and any placement/transfer below RM50 in a single transaction is not allowed.

5. Apakah bayaran lain yang perlu saya bayar? / What other charges do I have to pay?

Bil./ No.	Jenis Fi / Type of Fee	Perincian / Details
01.	Penutupan Akaun dibuka kurang daripada 6 bulan / Closing of account within 6 months of opening	RM20
02.	Fi-fi berkenaan Kad Debit / Fees related to Debit Card	Sila rujuk Penyata Pendedahan Produk bagi Kad Debit / Please refer to the Product Disclosure Sheet for Debit Card
03.	Akaun Dorman / Dormant Account	Dikecualikan. / Waived.

Nota: Semua fi adalah dengan sekali pembayaran sahaja. / **Note:** All fees are one-off payment only.

6. What are the risks involved? / Apakah risiko yang berkenaan?

Pelanggan berisiko untuk menerima kadar keuntungan yang lebih rendah jika terma peletakan deposit dan terma pengeluaran tidak dipenuhi. / *The customer risks receiving a lower profit rate if the deposit placement terms and withdrawal terms are not met.*

7. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya? / What do I need to do if there are changes to my contact details?

Adalah sangat penting untuk anda memaklumkan kepada Pusat Khidmat Pelanggan kami secara bertulis atau melalui emel jika terdapat sebarang perubahan dalam butir-butir perhubungan anda. Ini bagi memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. / *It is important that you inform our Customer Service Center via mail or email of any changes in your contact details. This is to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.*

8. Di manakah saya boleh mendapatkan bantuan atau maklumat lanjut? / Where can I get assistance and redress?

Jika anda ingin mengemukakan pertanyaan dan aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi pihak bank di / *If you wish to complaint on the products or services provided by us, you may contact us at:*

Pusat Perhubungan Pelanggan
Bank Simpanan Nasional
Tel: 1300 88 1900 / 03-2613 1900 (Luar Negara) / (Overseas)
Emel/Email: customercare@bsn.com.my

Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan sepenuhnya oleh pihak Bank, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK di / *If your query or complaint is not satisfactorily resolved by us, you may contact Bank Negara Malaysia LINK at:*

BNMLINK
Jabatan Komunikasi Korporat
Bank Negara Malaysia
P.O.Box 10922
50929 Kuala Lumpur
Tel: 1300 88 5465
Borang Web/Web Form: <https://bnmlink.bnm.gov.my/>

9. Dimana boleh saya memperoleh informasi dengan lebih lanjut? / Where can I get further information?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai BSN EduSave-i, sila rujuk laman web www.bsn.com.my. / *Should you require additional information on BSN EduSave-i, please refer to www.bsn.com.my website.*

10. Lain-lain produk simpanan BSN yang disediakan / Other savings products available

- BSN GIRO/i
- BSN Basic Savings/i
- BSN GIRO/i eSaver
- BSN GIRO/i Premium
- BSN Term Deposit/i
- BSN SSP (Sijil Simpanan Premium)
- BSN EcoSave-i

Semua maklumat yang diberikan dalam Penyata Pendedahan Produk ini adalah sah mulai [26 Julai 2024] / *All information provided in this Product Disclosure Sheet is valid with effect from [26 July 2024]*